

'Ngeteh', hilang waktu kerja jejas imej agensi awam

Oleh [Nur Fariah Mohd Fadullah Sahimi](mailto:bhrencana@bh.com.my) - Jun 14, 2023 @ 12:41pm
bhrencana@bh.com.my

Saban hari, isu integriti di tempat kerja terutama bagi penjawat awam sama ada dalam jabatan kerajaan atau badan berkanun antara topik kerap dibincangkan. Ia merangkumi isu rasuah, salah laku atau penyelewengan kuasa, ponteng kerja, kerap ghaib pada waktu bekerja dan 'curi tulang'.

Menurut Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Zainal Rahim Seman, kesalahan paling popular dilakukan penjawat awam adalah ponteng kerja atau tidak hadir bertugas.

Walaupun sudah diberi peringatan berkali-kali, masalah ponteng kerja, ghaib, masuk lewat pulang awal dan pergi minum atau 'ngeteh' berjemaah berjam-jam menjadi amalan begitu sukar diubah segelintir penjawat awam.

Budaya 'ngeteh' ini memberi imej buruk kepada sesebuah organisasi terutama bagi kakitangan bertugas di perkhidmatan berurusan secara langsung dengan pelanggan.

Selain itu, penjawat awam juga cenderung membuat pemalsuan dokumen terutama membabitkan sijil cuti sakit (MC). Kebiasaannya, salah guna MC ini berlaku disebabkan cuti tahunan habis digunakan.

Di samping itu, kelakuan tidak beretika paling digemari penjawat awam ialah mengetik kad perakam waktu orang lain yang mana kebiasaannya, amalan ini membabitkan situasi menang-menang antara penjawat awam berpakat.

Membantu mengetik kad perakam waktu rakan sepejabat mungkin dilihat sebagai 'tolong-menolong' sesama pekerja, namun ia kesalahan besar yang boleh menyebabkan tindakan tatatertib dikenakan terhadap pelaku.

Salahguna kebenaran lakukan kerja sambilan

Dalam pada itu, ada penjawat awam menyalahgunakan kebenaran untuk melakukan pekerjaan sampingan di luar waktu kerja bagi mengurangkan beban kewangan dengan aktif melakukannya pada waktu kerja hakiki.

Contoh pekerjaan luar semakin menjadi pilihan ramai penjawat awam adalah menjadi 'dropship' atau 'ejen' perniagaan dalam talian kerana hanya perlu duduk di depan komputer atau laptop untuk mengurusniaga.

Kebiasaan ini secara tidak disedari akan menyebabkan produktiviti merudum disebabkan hilang fokus melaksanakan tugas hakiki.

Hakikatnya, setiap penjawat awam harus merenung kembali surat Aku Janji ditandatangani ketika melapor diri di tempat kerja kerana ia bukan saja menyentuh soal integriti dan kejujuran, bahkan aspek keimanan bagi yang beragama Islam.

Allah SWT berfirman bermaksud: "Dan tepati perjanjianmu apabila berjanji dan jangan kamu membatalkan sumpah itu, sesudah diikrarkan sedang kamu menjadikan Allah sebagai saksi. Sesungguhnya Allah mengetahui apa kamu lakukan". (Surah an-Nahl, ayat 91)

Selain itu, peraturan tata tertib sedia ada sangat jelas dan terperinci sebagai rujukan sektor awam. Namun demikian, pelaksanaan peraturan itu memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak seperti ketua unit, ketua bahagian, ketua jabatan, ketua bahagian sumber manusia, ketua unit integriti dan ketua bahagian perundangan sebelum dibawa ke lembaga tata tertib. Ini penting bagi memastikan kes salah laku tidak mengambil masa bertahun-tahun untuk diselesaikan.

Apa yang penting, pemantauan daripada ketua jabatan juga antara satu langkah kawalan sangat penting bagi memastikan salah laku penjawat awam dapat dikawal dengan sebaiknya. Sekiranya sistem pemantauan dijalankan berkesan, nescaya kes salah laku membabitkan pelbagai kumpulan pekerja dan sokongan dapat diatasi.

Tindakan disiplin jika diambil wajar dilaksanakan secepat mungkin, konsisten dan tidak bersifat peribadi kerana ia mencerminkan ketegasan jabatan mengawal salah laku kakitangan bermasalah.

Jelas sekali, isu menjaga integriti penjawat awam tidak boleh dipandang enteng, sebaliknya menuntut kesepaduan kakitangan di semua peringkat terutama ketua jabatan untuk ditangani secara berkesan.

Pegawai Integriti di Universiti Pendidikan Sultan Idris